

Headline	Pelajar Jepun lawat Frim		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	197 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,084
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,251



Pelajar Jepun lawat Frim

BARU-baru ini, 30 pelajar dari Kyoto Prefectural Kitakuwada Senior High School, Jepun menyertai program lawatan sambil belajar ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim).

Lawatan sambil belajar itu bertujuan mempelajari mengenai ekosistem, peranan dan pemuliharaan hutan tropika. Ia adalah sebahagian daripada silibus Kursus Penyelidikan Perhutanan (FRC) yang perlu diambil mereka pada tahun ini.

Kumpulan pelajar itu diketuai Pengetua, Kawabe Satoshi dan Ketua Seksyen Hal Ehwal Am, Hideo Yamana telah disambut oleh Ketua Unit Pengurusan Korporat Frim, Norhayati Nordin.

Semua pelajar mengambil kesempatan untuk membuat pembentangan mengenai projek penanaman pokok di kawasan bukit berbatu, iaitu projek penyelidikan dianjurkan bersama oleh akademik,



Pelajar dari Kyoto Prefectural Kitakuwada Senior High School, Jepun menyertai program lawatan sambil belajar ke Frim.

industri dan kerajaan Jepun yang melibatkan pelajar FRC.

Pembentangan tersebut diikuti dengan sesi perbincangan dan soal jawab. Kemudian, mereka dibawa

meneroka Denai Bidara ke Field 43 untuk aktiviti menanam pokok.

Sebanyak 30 batang pokok ditanam termasuk durian (*Durio sp.*), petai (*Parkia speciosa*),

tampoi (*Baccaurea sp.*) dan sentol (*Sandoricum koetjape*).

Program lawatan ini berakhir dengan penyampaian sijil Friends of Frim kepada Kawabe Satoshi.